



Panduan Praktikal Dreamweaver: Strategi Pembangunan Projek Akhir

1st EDITION

NENNY MELISSA ABU BAKAR SIDEK
POLITEKNIK MUKAH

<https://shorturl.at/Znqee>

**PANDUAN PRAKTIKAL
DREAMWEAVER: STRATEGI
PEMBANGUNAN PROJEK AKHIR
1st EDITION**

**NENNY MELISSA BINTI ABU BAKAR SIDEK
POLITEKNIK MUKAH**

Published By:
POLITEKNIK MUKAH
KM 7.5 JALAN OYA
96400 MUKAH, SARAWAK

No Tel: +6084-874001
Fax: +6084-874005
Website: <https://www.pmu.mypolycc.edu.my>

Panduan Praktikal Dreamweaver: Strategi Pembangunan Projek Akhir
Author: Nenny Melissa binti Abu Bakar Sidek
e ISBN 978-629-7710-08-2



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7710-08-2

Copyright ©2025

All rights reserved. No part of this book may be reproduced or used in any manner without written permission of the copyright owner except for the use of quotations in a book review.

Kata Pengantar

Keupayaan untuk membangunkan laman web dan aplikasi interaktif merupakan satu kemahiran yang sangat bernilai. Dreamweaver, sebagai salah satu perisian pembangunan web yang terkenal, menawarkan pelbagai ciri yang memudahkan pengguna dari pelbagai tahap Kemahiran.

Buku "**Panduan Praktikal Dreamweaver: Strategi Pembangunan Projek Akhir**" ini ditulis khusus untuk membantu pelajar, pendidik, dan sesiapa sahaja yang ingin menghasilkan projek akhir menggunakan Dreamweaver. Ia direka untuk menjadi rakan panduan yang praktikal dan mudah difahami, dengan memberi penekanan kepada strategi, teknik, dan amalan terbaik dalam proses pembangunan projek akhir.

Melalui buku ini, anda akan diperkenalkan kepada:

- Alat dan fungsi utama dalam Dreamweaver, serta cara menggunakannya secara efektif.
- Pendekatan strategik dalam merancang dan melaksanakan projek akhir.
- Contoh praktikal dan langkah demi langkah yang membimbing anda dari permulaan hingga selesai.

Setiap bab disusun dengan teliti untuk menyokong pembelajaran secara sistematik. Objektif utama adalah untuk memberikan keyakinan kepada pembaca dalam mengaplikasikan teori dan konsep ke dalam pembangunan projek yang sebenar.

Saya berharap buku ini bukan sahaja membantu anda menyempurnakan projek akhir dengan cemerlang, tetapi juga menjadi asas kepada perjalanan profesional anda dalam bidang pembangunan web. Dengan kombinasi panduan teknikal dan strategi praktikal, saya percaya anda akan dapat memanfaatkan potensi Dreamweaver sepenuhnya.

Selamat maju jaya dalam usaha anda, dan semoga buku ini menjadi alat yang berharga dalam perjalanan pembelajaran anda!

Panduan Praktikal Dreamweaver: Strategi Pembangunan Projek Akhir – 1st Edition

Isi Kandungan


Pengenalan Kepada Adobe Dreamweaver	3
Mengaktifkan XAMPP Control Panel.....	5
Membina Folder di htdocs	7
Carian Template	8
Cara Menambah dan Menguruskan <i>New Site</i> di Dreamweaver	10
Persekitaran Dreamweaver.....	14
Melihat Halaman Antara Muka di Localhost.....	15
Membina Pangkalan Data dan Konfigurasi <i>Privilege</i> di phpMyAdmin	16
Membina Fail connection.php Untuk Sambungan Pangkalan Data.....	19
Mengubah Format File HTML ke PHP	22
Mencipta <i>Table contact</i>	23
Menghubungkan <i>Form contact</i> di Dreamweaver ke phpMyAdmin	25
Mencipta <i>Table booking</i>	28
Menghubungkan <i>Form booking</i> di Dreamweaver ke phpMyAdmin.....	29
Mengubah Teks Pada Halaman Web di Dreamweaver.....	33
Mengganti Gambar Pada Halaman Web.....	34
Memindahkan Pautan Butang Pada Halaman Yang Sesuai	35
Mengkonfigurasi Alamat IP dan Menampilkan Laman Web di Komputer dan Peranti Mudah Alih	36

Pengenalan Kepada Adobe Dreamweaver

Adobe Dreamweaver adalah perisian reka bentuk dan pengembangan web yang digunakan secara meluas untuk mencipta, mengedit, dan mengurus laman web serta aplikasi web. Perisian ini menyediakan antara muka yang intuitif dengan ciri-ciri seperti penyuntingan visual dan kod secara langsung, yang memudahkan pengguna dari pemula hingga profesional untuk membina laman web responsif. Dreamweaver menyokong pelbagai bahasa pengaturcaraan seperti HTML, CSS, JavaScript, dan PHP, serta membolehkan integrasi dengan platform lain seperti phpMyAdmin untuk pengurusan data projek. Dengan ciri pratonton langsung, pengguna dapat melihat hasil reka bentuk mereka secara real-time, menjadikan Adobe Dreamweaver alat yang sangat berkuasa untuk pembangunan laman web moden.



Rajah 1.0



Rajah 2.0

Mengaktifkan XAMPP Control Panel

Untuk memulakan penggunaan **XAMPP Control Panel**, langkah pertama yang perlu dilakukan ialah memastikan perisian XAMPP telah dipasang dengan betul pada komputer anda. Jika belum, muat turun versi terkini dari laman web rasmi Apache Friends, dan lakukan pemasangan mengikut arahan yang diberikan. Setelah pemasangan selesai, ikut langkah berikut:

a. **Cari dan Buka XAMPP**

Pergi ke menu pencarian di komputer anda (contohnya, menu "Start" di Windows), kemudian taip "XAMPP Control Panel" dan klik untuk membuka aplikasi tersebut. Pastikan anda mempunyai hak pentadbiran (admin rights) untuk melancarkan perisian ini.

b. **Aktifkan Perkhidmatan Penting**

Dalam XAMPP Control Panel, anda akan melihat senarai perkhidmatan seperti Apache, MySQL, FileZilla, dan sebagainya. Untuk mengaktifkan pelayan web (web server) dan pangkalan data (database), klik butang "Start" pada perkhidmatan **Apache** dan **MySQL**. Tunggu sehingga status perkhidmatan bertukar menjadi warna hijau, menandakan ia telah berjaya diaktifkan.

c. **Semak Pelayan Anda**

Buka pelayar web (web browser) dan taip `http://localhost` pada bar alamat. Jika pelayan berfungsi dengan baik, anda akan melihat halaman utama XAMPP.

d. **Nasihat Keselamatan**

Pastikan anda hanya mengaktifkan perkhidmatan yang diperlukan. Sebagai contoh, jika anda hanya menggunakan pelayan web dan pangkalan data, tidak perlu mengaktifkan FileZilla atau perkhidmatan lain yang tidak relevan. Ini penting untuk memastikan prestasi komputer anda tidak terjejas dan mengurangkan risiko keselamatan.

e. **Penutupan Selepas Penggunaan**


Setelah selesai menggunakan XAMPP, adalah disarankan untuk mematikan perkhidmatan yang telah diaktifkan dengan klik pada butang "Stop". Kemudian, tutup XAMPP Control Panel untuk mengelakkan ia terus berjalan di latar belakang, yang boleh menyebabkan penggunaan sumber komputer yang tidak diperlukan.

Langkah 1
Install xampp.



Rajah 6.0

Langkah 2
Klik butang "Start" pada perkhidmatan **Apache** dan **MySQL**




Rajah 7.0

Membina Folder di htdocs

Langkah pertama dalam proses pembinaan laman web adalah dengan mencipta folder projek di dalam direktori *htdocs*, yang terletak dalam folder pemasangan XAMPP. Direktori *htdocs* berfungsi sebagai akar pelayan (*root directory*) di mana semua fail dan folder projek web anda disimpan agar dapat diakses melalui pelayan tempatan atau *localhost*. Dengan membuat folder projek khusus di *htdocs*, anda dapat mengorganisasikan semua komponen laman web, termasuk fail HTML, CSS, JavaScript, dan media lain, secara teratur. Sebagai contoh, anda boleh mencipta folder bernama 'FYP' yang akan menjadi tempat penyimpanan semua fail laman web anda. Setelah folder dibuat, anda dapat mengakses projek tersebut melalui pelayar web dengan mengetikkan URL seperti <http://localhost/fyp>. Proses ini memastikan bahawa laman web dapat diuji dan dikembangkan dalam persekitaran tempatan sebelum ia dimuat naik ke pelayan sebenar untuk digunakan oleh pengguna akhir. Ikuti langkah di bawah untuk membina folder 'FYP'.

Langkah 1




Rajah 3.0

Carian template

Dalam pembinaan laman web, seorang pembangun (*developer*) boleh memanfaatkan template yang tersedia secara percuma dari sumber luar yang telah siap dengan antara muka yang menarik dan direka secara profesional. Template ini mempermudah proses pembangunan dengan menyediakan kerangka asas reka bentuk laman web, termasuk susun atur, elemen visual, dan gaya tertentu. Walaupun template percuma ini sering kali tidak menyediakan fungsi yang lengkap atau fleksibiliti yang setara dengan template berbayar, ia tetap berguna sebagai tema asas untuk membangunkan laman web. Namun, pembangun perlu memastikan bahawa template yang dipilih sesuai dengan keperluan projek masing-masing, terutama dari segi reka bentuk, fungsi, dan kemudahan penyesuaian. Dengan memilih template yang relevan, proses pembangunan laman web dapat menjadi lebih efisien tanpa mengorbankan hasil akhir. Untuk memulakan pencarian template percuma yang sesuai, pembangun boleh menggunakan laman web seperti <https://www.free-css.com>, yang menyediakan pelbagai pilihan template percuma untuk pelbagai jenis projek laman web. Ikuti langkah di bawah untuk memulakan pencarian template dan menguruskan penyimpanan template di folder projek.

Langkah 1


Muat turun template kesukaan anda!



Rajah 4.0

Langkah 2

Simpan fail ZIP template dalam folder 'FYP', kemudian nyahzipkan (*unzip*). Rename folder anda mengikut nama yang sesuai.




Rajah 5.0

Cara Menambah dan Menguruskan *New Site* di Dreamweaver

Untuk menambah dan menguruskan laman web baharu di Dreamweaver, buka perisian dan pergi ke menu **Site**. Pilih **New Site**, kemudian masukkan nama laman web serta direktori folder tempat fail projek akan disimpan. Pastikan lokasi folder sesuai dan mudah diakses. Setelah itu, tetapkan sambungan pelayan (server connection) jika diperlukan, seperti untuk muat naik ke pelayan web. Simpan tetapan anda, dan laman web baharu anda kini sedia untuk diuruskan dan dibangunkan dalam Dreamweaver. Ikuti langkah di bawah untuk menguruskan **Site** anda di Dreamweaver.

Langkah 1

Klik Menu New Site.




Rajah 8.0

Langkah 2

Isikan ruangan Site Name dengan nama projek anda.


Pilih butang 'Browse' di 'Local Site Folder', kemudian cari dan pilih folder projek anda dalam **htdocs**.



Rajah 9.0

Langkah 3


Pilih bahagian **Servers** dan klik tanda +



Rajah 10.0

Langkah 4


Pada bahagian **Basic** isikan ruangan dengan nama dan pilihan bahagian yang sesuai seperti di dalam rajah di bawah.



Rajah 11.0


Langkah 5

Pada tab **Advanced** pilih Testing Server > Testing Model dan pilih PHP MySQL > Save




Rajah 12.0

Langkah 6
Pilih Testing > Save



Rajah 13.0


Langkah 7
Pastikan sambungan **Connect To Testing Server** disambung.



Rajah 14.0

Persekitaran Dreamweaver

Dreamweaver menyediakan antaramuka gabungan visual (Live View), kod (Code View) dan paparan dual (Split View) untuk kemudahan pengguna dengan pelbagai tahap kemahiran. Dalam persekitaran Dreamweaver, anda akan menemui panel **Properties** untuk mengedit elemen laman, panel **Files** untuk mengurus struktur fail, dan ruang kerja fleksibel yang boleh disesuaikan mengikut keperluan projek anda. Rajah di bawah memaparkan persekitaran Dreamweaver.




Rajah 15.0

Melihat Halaman Antara Muka di Localhost

Untuk melihat halaman antara muka di paparan localhost, pastikan pelayan web seperti Apache telah diaktifkan melalui XAMPP. Kemudian, buka pelayar web anda dan masukkan URL `http://localhost` diikuti dengan nama folder projek anda. Sebagai contoh, jika projek anda berada dalam folder 'htdocs' dengan nama folder 'projek-saya', taip `http://localhost/projek-saya/index.php`. Halaman antara muka akan dipaparkan, membolehkan anda menguji reka bentuk dan fungsi laman web secara tempatan sebelum diterbitkan ke pelayan sebenar. Ikuti langkah di bawah untuk memaparkan laman web anda pada localhost.

Langkah 1

Buka pelayar web anda dan taip `localhost/fyp/restaurant/index.html`




Rajah 16.0

Membina Pangkalan Data dan Konfigurasi Privilege di phpMyAdmin

Untuk membina pangkalan data di phpMyAdmin, log masuk ke phpMyAdmin melalui <http://localhost/phpmyadmin>. Klik tab **Databases**, masukkan nama pangkalan data dan klik **Create**. Untuk menguruskan konfigurasi privilege, pergi ke tab **Privileges**, klik **Add user account**, isikan nama pengguna, kata laluan(jika perlu), dan host. Pilih hak akses (privileges) yang sesuai seperti SELECT, INSERT, atau ALL PRIVILEGES bergantung pada keperluan, kemudian klik **Go** untuk menyimpan tetapan. Dengan ini, pangkalan data dan pengguna dengan hak akses yang dikonfigurasi berjaya diwujudkan.

Langkah 1


Log masuk ke phpMyAdmin melalui localhost/phpMyAdmin/



Rajah 17.0

Langkah 2


Klik tab **Databases**, masukkan nama pangkalan data dan klik **Create**.



Rajah 18.0

Langkah 3


Pilih tab **Privileges**, klik **Add user account**.



Rajah 19.0

Langkah 4

Isi User name = restaurant dan Host name = localhost



The screenshot shows the phpMyAdmin interface with the 'Login Information' tab selected. The 'User name' field is set to 'restaurant' and the 'Host name' is set to 'localhost'. The 'Password' field is empty, and the 'Authentication plugin' is set to 'Native MySQL authentication'. The 'Database for user account' section has the option 'Grant all privileges on database restaurant.' checked.

Server: 127.0.0.1

phpMyAdmin

Recent Favorites

Log in as user: restaurant

Host name: Local localhost

Password: No password

Re-type:

Authentication plugin: Native MySQL authentication

Generate password: Generate


Database for user account

- ☐ Create database with same name and grant all privileges.
- ☐ Grant all privileges on wildcard name (username, %).
- ☒ Grant all privileges on database restaurant.

Rajah 20.0

Langkah 5

Pilih hak akses (privileges) yang sesuai seperti SELECT, INSERT, atau ALL PRIVILEGES bergantung pada keperluan, kemudian klik Go.



The screenshot shows the phpMyAdmin interface with the 'Global privileges' tab selected. The 'Data' section is checked, and the 'Check all' button is visible. The 'Data' section includes SELECT, INSERT, UPDATE, DELETE, and FILE. The 'Structure' section includes CREATE, ALTER, INDEX, DROP, CREATE TEMPORARY TABLES, SHOW VIEW, CREATE ROUTINE, ALTER ROUTINE, EXECUTE, CREATE VIEW, EVENT, and TRIGGER. The 'Administration' section includes GRANT, SUPER, PROCESS, RELOAD, SHUTDOWN, SHOW DATABASES, LOCK TABLES, REFERENCES, REPLICATION CLIENT, REPLICATION SLAVE, and CREATE USER.

Server: 127.0.0.1

phpMyAdmin

Recent Favorites

Global privileges ☐ Check all

Note: MySQL privilege names are expressed in English.

☒ Data

- ☒ SELECT
- ☒ INSERT
- ☒ UPDATE
- ☒ DELETE
- ☒ FILE

☐ Structure

- ☐ CREATE
- ☐ ALTER
- ☐ INDEX
- ☐ DROP
- ☐ CREATE TEMPORARY TABLES
- ☐ SHOW VIEW
- ☐ CREATE ROUTINE
- ☐ ALTER ROUTINE
- ☐ EXECUTE
- ☐ CREATE VIEW
- ☐ EVENT
- ☐ TRIGGER

☐ Administration

- ☐ GRANT
- ☐ SUPER
- ☐ PROCESS
- ☐ RELOAD
- ☐ SHUTDOWN
- ☐ SHOW DATABASES
- ☐ LOCK TABLES
- ☐ REFERENCES
- ☐ REPLICATION CLIENT
- ☐ REPLICATION SLAVE
- ☐ CREATE USER

Resource limits

Rajah 21.0


Membina Fail connection.php Untuk Sambungan Pangkalan Data

Dalam Dreamweaver, fail connection.php digunakan untuk menyambungkan laman web anda ke pangkalan data, membolehkan interaksi seperti menyimpan, mengemas kini, atau memaparkan data. Sambungan ini penting untuk membangunkan laman web dinamik yang menggunakan pangkalan data.


Langkah membina connection.php:

Langkah 1


Cipta dan simpan fail connection.php di direktori projek anda, biasanya di folder root projek.



Rajah 22.0



Rajah 23.0



Rajah 24.0

Langkah 2

Tambahkan kod PHP untuk menenetapkan sambungan ke pangkalan data.

```
<?php
$host = "localhost"; // Tukar jika menggunakan server lain
$user = "restaurant"; // Tukar mengikut konfigurasi MySQL anda
$password = ""; // Masukkan kata laluan MySQL anda
$database = "restaurant"; // Tukar kepada nama pangkalan data anda

// Membuat sambungan
$conn = new mysqli($host, $user, $password, $database);

// Semak sambungan
if ($conn->connect_error) {
    die("Sambungan gagal: " . $conn->connect_error);
}

?>
```

Rajah 25.0


Dengan fail `connection.php`, laman web anda kini boleh berkomunikasi dengan pangkalan data.

Mengubah Format File HTML ke PHP

Mengubah fail ke format PHP membolehkan anda menggabungkan HTML dan PHP untuk membuat laman web yang lebih dinamik. Ikuti langkah di bawah untuk menukar format file.

Langkah 1


Ubah file .html ke .php



Rajah 26.0

Langkah 2

Klik Update untuk kemaskini pautan ke semua file yang berkaitan.




Rajah 27.0

Mencipta *Table contact*

Untuk menyimpan maklumat perhubungan seperti nama, emel, subjek dan mesej, kita perlu mencipta satu **jadual (table) contact** dalam pangkalan data. Dalam panduan ini, kita akan melalui langkah-langkah untuk mencipta jadual **contact**, menambahkan medan-medan yang sesuai, dan menentukan jenis data untuk setiap medan. Ikuti langkah di bawah untuk mencipta table **contact**.

Langkah 1


Cipta table contact dengan 5 columns (id, name, email, subject, message)



Rajah 28.0

Langkah 2

Set **id**:int (auto increment, primary key), **name**: varchar, **email**: varchar, **subject**: varchar, **message**: varchar. Klik save.



The screenshot shows the phpMyAdmin interface for a database named 'restaurant'. The 'Structure' tab is selected, and the table 'contact' is being edited. The columns are defined as follows:

Column Name	Column Type	Length
id	INT	100
name	VARCHAR	100
email	VARCHAR	100
subject	VARCHAR	100
message	VARCHAR	500

Rajah 29.0

Menghubungkan *Form contact* di Dreamweaver ke phpMyAdmin

Untuk menghubungkan form **contact** yang dibangun di Dreamweaver ke pangkalan data dalam phpMyAdmin, anda perlu melaksanakan beberapa langkah penting. Proses ini melibatkan penulisan kod PHP untuk menghubungkan form dengan pangkalan data. Berikut adalah langkah asas:

- Sediakan Pangkalan Data:** Pastikan jadual **contact** telah dicipta dalam pangkalan data di phpMyAdmin dengan medan seperti nama, emel, subjek, dan mesej.
- Tulis Kod PHP untuk Sambungan:** Gunakan skrip PHP untuk menyambungkan laman web ke pangkalan data.
- Uji Sambungan:** Pastikan sambungan diuji dengan mengisi form dan menyemak sama ada data tersebut dipaparkan dalam jadual **contact** di phpMyAdmin.

Dengan ini, form **contact** anda akan berfungsi untuk merekodkan data pengguna terus ke pangkalan data di phpMyAdmin. Ikuti langkah di bawah untuk menghubungkan form **contact** ke phpMyAdmin.

Langkah 1

Kod ini akan mengambil data daripada contact.php dan menyimpannya dalam jadual contact dalam pangkalan data restaurant.

```
<?php
include 'connection.php'; // Panggil sambungan database

if ($_SERVER["REQUEST_METHOD"] == "POST") {
    // Ambil data dari borang
    $name = $_POST['name'];
    $email = $_POST['email'];
    $subject = $_POST['subject'];
    $message = $_POST['message'];

    // Sediakan SQL untuk memasukkan data
    $sql = "INSERT INTO contact (name, email, subject, message) VALUES (?, ?, ?, ?)";

    // Gunakan prepared statement untuk keselamatan
    $stmt = $conn->prepare($sql);
    $stmt->bind_param("ssss", $name, $email, $subject, $message);

    // Jalankan SQL
```

```

$stmt->execute();

// Tutup statement dan sambungan
$stmt->close();
$conn->close();


// Redirect ke contact.php tanpa paparan mesej
header("Location: contact.php");
exit();
}
?>

```

Rajah 30.0

Langkah 2

Guna split view untuk memudahkan mendapatkan kedudukan form.



Rajah 31.0

Langkah 3

Kod berikut menyediakan borang untuk pengguna menghantar data.

```

<form action="contact.php" method="post">
  <div class="row g-3">
    <div class="col-md-6">
      <div class="form-floating">
        <input type="text" class="form-control"
        id="name" placeholder="Your Name" name="name" required>

```

```

        <label for="name">Your Name</label>
    </div>
</div>
<div class="col-md-6">
    <div class="form-floating">
        <input type="email" class="form-control"
id="email" placeholder="Your Email" name="email" required>
        <label for="email">Your Email</label>
    </div>
</div>
<div class="col-12">
    <div class="form-floating">
        <input type="text" class="form-control"
id="subject" placeholder="Subject" name="subject" required>
        <label for="subject">Subject</label>
    </div>
</div>
<div class="col-12">
    <div class="form-floating">
        <textarea class="form-control"
placeholder="Leave a message here" id="message" style="height: 150px"
name="message" required></textarea>
        <label for="message">Message</label>
    </div>
</div>

```

Rajah 32.0

Langkah 4

Semak di dalam table contact data yang telah masuk.

The screenshot shows the phpMyAdmin interface. On the left is a sidebar with a tree view of databases and tables. The 'restaurant' database is selected, and the 'contact' table is highlighted. The main area displays the 'contact' table structure and data. The table has columns: id, name, email, subject, and message. One row of data is visible: id=1, name=nenny, email=nennyabs@gmail.com, subject=Kursus PSH, message=Dreamweaver. The interface includes various tools like Browse, Structure, SQL, Search, Insert, Export, and Import. A status bar at the bottom indicates 'Showing rows 0 - 0 (1 total, Query took 0.0002 seconds.)'.

id	name	email	subject	message
1	nenny	nennyabs@gmail.com	Kursus PSH	Dreamweaver


Rajah 33.0

Mencipta *Table booking*

Untuk menyimpan maklumat perhubungan seperti nama penempah, tarikh tempahan, bilangan orang dan permintaan khas, kita perlu mencipta satu **jadual (table)** bernama **booking** dalam pangkalan data. Dalam panduan ini, kita akan melalui langkah-langkah untuk mencipta jadual **booking**, menambahkan medan-medan yang sesuai, dan menentukan jenis data untuk setiap medan. Ikuti langkah di bawah untuk mencipta table **booking**.

Langkah 1


Cipta table booking dengan 6 columns (id, name, email, dateTime, peopleNo, specialRequest)

A screenshot of the 'Create new table' dialog in phpMyAdmin. The dialog has a 'Table name' field containing 'booking' and a 'Number of columns' field containing '6'. There is a 'Create' button to the right of these fields. At the top, there are links for 'Print' and 'Data dictionary'.

Rajah 34.0

Langkah 2

Set **id**:int (autoincrement, primary key), **name**: varchar, **email**: varchar, **dateTime**: datetime, **peopleNo**: int, **specialRequest**: varchar. Klik save.

A screenshot of the phpMyAdmin interface showing the 'Structure' tab for a table named 'booking' in a database named 'restaurant'. The table has 1 column. The columns are defined as follows: 'id' (INT, 100, None), 'name' (VARCHAR, 100, None), 'email' (VARCHAR, 100, None), 'dateTime' (DATETIME, 6, None), 'peopleNo' (INT, 100, None), and 'specialrequest' (VARCHAR, 500, None). The 'id' column is highlighted as the primary key. The left sidebar shows the database structure with 'restaurant' selected. The top navigation bar includes links for 'Structure', 'SQL', 'Search', 'Query', 'Export', and 'Import'.

Rajah 35.0

Menghubungkan Form booking di Dreamweaver ke phpMyAdmin

Untuk menghubungkan form **booking** yang dibangun di Dreamweaver ke pangkalan data dalam phpMyAdmin, anda perlu melaksanakan beberapa langkah penting. Proses ini melibatkan penulisan kod PHP untuk menghubungkan form dengan pangkalan data. Berikut adalah langkah asas:

- a. **Sediakan Pangkalan Data:** Pastikan jadual **booking** telah dicipta dalam pangkalan data di phpMyAdmin dengan medan seperti nama penempah, tarikh tempahan, bilangan orang, dan permintaan khas.
- b. **Tulis Kod PHP untuk Sambungan:** Gunakan skrip PHP untuk menyambungkan laman web ke pangkalan data.
- c. **Uji Sambungan:** Pastikan sambungan berjaya dengan mengisi form dan menyemak sama ada data tersebut dipaparkan dalam jadual **booking** di phpMyAdmin.

Dengan langkah ini, form **booking** anda akan berfungsi untuk merekodkan data pengguna terus ke pangkalan data di phpMyAdmin. Ikuti langkah di bawah untuk menghubungkan form **booking** ke phpMyAdmin.

Langkah 1

Kod ini akan mengambil data daripada booking.php dan menyimpannya dalam jadual booking dalam pangkalan data restaurant.

```
<?php
// Sertakan fail sambungan ke database
include 'connection.php';

// Semak jika borang dihantar
if ($_SERVER["REQUEST_METHOD"] == "POST") {
    // Ambil data dari borang dan bersihkan input untuk keselamatan
    $name = mysqli_real_escape_string($conn, $_POST['name']);
    $email = mysqli_real_escape_string($conn, $_POST['email']);
    $dateTime = mysqli_real_escape_string($conn, $_POST['dateTime']);
    $peopleNo = mysqli_real_escape_string($conn, $_POST['peopleNo']);
    $specialRequest = mysqli_real_escape_string($conn,
    $_POST['specialRequest']);

    // Betulkan format datetime dari HTML ke format MySQL
    $formattedDateTime = date("Y-m-d H:i:s", strtotime($dateTime));
```

```


// SQL untuk memasukkan data ke dalam jadual booking
$sql = "INSERT INTO booking (name, email, dateTime, peopleNo,
specialRequest)
VALUES ('$name', '$email', '$formattedDateTime', '$peopleNo',
'$specialRequest')";
// Jalankan SQL dan semak jika berjaya
if ($conn->query($sql) === TRUE) {
    echo "<script>alert('Tempahan berjaya dibuat!');
window.location='booking.php';</script>";
} else {
    echo "Ralat: " . $sql . "<br>" . $conn->error;
}
}
// Tutup sambungan database
$conn->close();
?>

```

Rajah 36.0

Langkah 2

Guna split view untuk memudahkan mendapatkan kedudukan form.



Rajah 37.0

Langkah 3

Kod berikut menyediakan borang untuk pengguna menghantar data.

```

<form action="booking.php" method="post">
    <div class="row g-3">
        <div class="col-md-6">

```

```


        <div class="form-floating">
            <input type="text" class="form-control" id="name"
placeholder="Your Name" name="name" requiredname="email" requiredname="dateTime"
required>
            <label for="datetime">Date & Time</label>
        </div>
    </div>
    <div class="col-md-6">
        <div class="form-floating">
            <select class="form-select" id="select1"
name="peopleNo" requiredname="specialRequest" required></textarea>
            <label for="message">Special Request</label>
        </div>
    </div>

```

Rajah 38.0

Langkah 4

Masukkan data dalam **form booking**. Semak di dalam **table booking** data yang telah masuk.




Rajah 39.0

Mengubah Teks Pada Halaman Web di Dreamweaver


Untuk mengubah teks pada halaman web di Dreamweaver, ikuti langkah berikut:

1. **Buka Fail:** Klik **File > Open** dan pilih fail yang ingin diubah.
2. **Pilih Mod Paparan:** Gunakan mod **Design**, **Code** atau lebih baik **split mode** untuk melihat kandungan halaman.
3. **Edit Teks:** Dalam mod **Split**, klik pada teks dan taip perubahan terus.
4. **Simpan Perubahan:** Klik **File > Save** untuk menyimpan fail.
Teks anda kini telah diubah dan sedia untuk dipaparkan.

Langkah 1



Rajah 40.0




Rajah 41.0

Menggantikan Gambar Pada Halaman Web

Ikuti langkah di bawah untuk mengubah gambar pada laman web anda.

Langkah 1


Masukkan gambar ke dalam folder img.



Rajah 42.0

Langkah 2

Pilih gambar dan pilih split mode. Tukar nama gambar yang dipilih.




Rajah 43.0

Memindahkan Pautan Butang Pada Halaman Yang Sesuai


Ikuti langkah di bawah untuk memindahkan pautan butang pada halaman yang sesuai.

Langkah 1

Pilih butang dan pilih split mode. Isi `<a href=""` dengan pautan halaman yang sesuai.



Rajah 44.0




Rajah 45.0

Mengkonfigurasi Alamat IP dan Menampilkan Laman Web di Komputer dan Peranti Mudah Alih

Proses mengkonfigurasi alamat IP dan menampilkan laman web di komputer atau peranti mudah alih melibatkan langkah-langkah untuk memastikan sambungan rangkaian berfungsi dengan betul. Alamat IP perlu ditetapkan dengan betul supaya peranti dapat berkomunikasi dalam rangkaian yang sama, manakala laman web dihoskan perlu diakses menggunakan pelayar web pada mana-mana peranti yang disambungkan. Ini memastikan pengguna dapat menguji, memaparkan, atau berkongsi laman web dengan lancar antara pelbagai peranti dengan rangkaian yang sama.

Langkah 1




```
Command Prompt
Microsoft Windows [Version 10.0.19045.5247]
(c) Microsoft Corporation. All rights reserved.

C:\Users\nelly melissa>
```

Rajah 46.0

Langkah 2

Rujuk **IPv4 Address**



```
Command Prompt
Microsoft Windows [Version 10.0.19045.5247]
(c) Microsoft Corporation. All rights reserved.

C:\Users\nelly melissa>ipconfig
```

Rajah 47.0

```
Command Prompt

Wireless LAN adapter Wi-Fi:

Connection-specific DNS Suffix . : dlinkrouter.local
IPv6 Address. . . . . : 
Temporary IPv6 Address. . . . . : 
Link-local IPv6 Address . . . . . : 
IPv4 Address. . . . . : 
Subnet Mask . . . . . : 
Default Gateway . . . . . : 

Ethernet adapter Bluetooth Network Connection 2:

Media State . . . . . : Media disconnected
Connection-specific DNS Suffix . :
```

Rajah 48.0

Langkah 3


Memaparkan laman web pada komputer. Tukarkan localhost kepada IP address anda. Contohnya 192.000.0.000/fyp/restaurant/index.php



Rajah 49

Langkah 4

Memaparkan laman web pada peranti mudah alih. Tukarkan localhost kepada IP address anda. Contohnya 192.000.0.000/fyp/restaurant/index.php ke dalam browser pada peranti anda.



Rajah 50.0

PANDUAN PRAKTIKAL DREAMWEAVER: STRATEGI PEMBANGUNAN PROJEK AKHIR

e ISBN 978-629-7710-08-2



POLITEKNIK MUKAH SARAWAK

(online)

